

DILEMA HALA TUJU KERJAYA

Pemegang diploma belum dapat kerja selepas 2 tahun menganggur



Assalamualaikum puhan. Saya penuntut lepasan diploma dari sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Saya agak tertekan, kosong dan sedih kerana sehingga kini belum mendapat pekerjaan setelah hampir dua tahun menganggur.

Saya sedih kerana tidak dapat membantu keluarga dari sudut kewangan kerana masih menganggur. Saya juga keliru dengan hala tuju kerjaya saya.

Pelbagai isu timbul yang menjadi penghalang kepada saya untuk mencari kerja. Saya mohon pencerahan daripada puhan mengenai proses memohon pekerjaan.

Saya harap dengan bantuan puhan, saya bersemangat untuk meneruskan kehidupan ini dengan penuh teliti dan terancang.

Susah hati,
Kuala Lumpur

Waalaikummussalam. Terima kasih atas soalan yang dikemukakan. Berdasarkan apa yang dikongsikan dengan saya, nampaknya anda tertekan dengan situasi sekarang yang belum mendapat pekerjaan selepas dua tahun tamat pengajian.

Rasa sedih dan tertekan ini lebih kuat apabila anda tidak dapat membantu keluarga dari sudut kewangan.

Namun begitu, kesedaran mengenai keperluan mencari pekerjaan yang sesuai dan perasaan sedih dengan pengangguran ini adalah permulaan kepada penempatan kerjaya anda, insya-Allah.

Menjawab persoalan anda berkenaan proses memohon kerjaya ini, ingin saya memperincikannya satu persatu.

Peka iklan jawatan kosong
Anda perlu sentiasa peka dengan iklan kekosongan

jawatan dan terus berusaha untuk mencari kerja.

Perlu anda ketahui iklan kekosongan jawatan berlaku dalam pelbagai cara seperti di media cetak dan juga media elektronik.

Oleh itu, adalah lebih baik jika anda mengenal pasti beberapa laman sesawang tertentu yang membuat hebatan tentang jawatan kosong. Dapatkan maklumat menerusi sumber yang berbeza-beza.

Selain itu, anda perlu meneruskan jalinan mesra dengan ramai kenalan yang lain agar maklumat mengenai kerjaya boleh diperolehi daripada hubungan personal.

Resume

Seterusnya berkenaan dengan proses memohon sesuatu pekerjaan itu bermula dengan menyediakan resume atau maklumat dan profil diri.

Perlu difahami di sini mengenai tujuan resume dan apakah kepentingan menyediakannya. Dalam penyediaan resume juga, anda perlu tahu mengenai elemen penting yang perlu ada di dalamnya.

Sebaiknya, anda

mendapatkan khidmat bantuan dari pakar atau kaunselor kerjaya serta pihak tertentu dalam penyediaan resume ini bagi menghasilkan yang berkualiti.

Dalam erti kata lain, resume adalah ringkasan peribadi meliputi sejarah profesional dan kelayakan akademik seseorang.

Segala maklumat penting berkaitan diri anda perlu ditulis pada resume itu. Di samping itu, anda boleh membuat semakan penyediaan resume terkini seperti yang diinginkan oleh majikan.

Pastikan resume anda itu menepati kriteria yang ditetapkan, padat dan bermaklumat. Teliti dan pilih maklumat yang ingin dimasukkan ke dalam resume supaya tidak dianggap ketinggalan zaman.

Setelah itu, anda perlu menilai jenis pekerjaan bagaimana atau yang diminati untuk penempatan kerjaya.

Pilihan kerjaya

Dalam proses menilai keinginan pekerjaan ini, anda perlu tahu apakah

jenis pekerjaan yang dicari, menilai kelayakan dan kebolehan diri, serta mengetahui mengenai peluang berbanding bidang dan kelayakan.

Kemudian anda perlu mencari peluang pekerjaan melalui pelbagai sumber dan media. Pada peringkat ini, anda perlu peka dengan iklan di akhbar tempatan, iklan di Internet, iklan di premis tertentu, iklan melalui agensi pekerjaan atau pelbagai kaedah lain.

Melalui kaedah lain, anda boleh menggunakan kreativiti dan inisiatif dengan menghantar permohonan ke mana-mana organisasi meskipun tiada kekosongan jawatan yang diiklankan.

Dalam erti kata lain, anda perlu mengenal pasti beberapa organisasi sama ada jabatan kerjaan ataupun swasta yang besar, popular dan kukuh.

Maklumat boleh diproleh daripada akhbar tempatan maupun Internet serta keluaran buku Graduan yang boleh didapati di Pusat Alumni Universiti atau Kolej Swasta.

Setelah itu, hantarkan surat permohonan

berdasarkan jawatan yang ingin dimohon.

Memohon pekerjaan

Proses seterusnya ialah memohon pekerjaan. Dalam proses ini, anda perlu sedar kebanyakan permohonan perlu dimohon secara rasmi iaitu mengarang surat rasmi.

Namun, terdapat juga pekerjaan yang tidak memerlukan surat permohonan rasmi. Malahan ada juga permohonan yang dibuat secara dalam talian dengan hanya memuat naik dokumen berkaitan.

Pada masa sama, anda juga perlu membuat pelbagai persediaan bagi menghadiri sesi temu duga. Lazimnya apabila permohonan mendapat perhatian, anda akan dikehendaki menghadiri sesi temuduga.

Inilah saatnya anda harus berusaha mempromosikan kebolehan dan keupayaan diri dengan penuh keyakinan dan tawakal bagi mendapatkan jawatan yang dipohon. Teruskan berusaha dan persiapan diri itu adalah asas mendapatkan pekerjaan. Semoga berjaya.

